

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (33)

10 Mei 2020
17 Ramadan 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 29/2020

PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2018 GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Melalui keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 17 Mac 2020, Universiti telah bersetuju untuk meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja.

2. Pemakaian kepada pekeling ini kelak akan disesuaikan dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, dan prosedur yang dijelaskan di bawah Pekeling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja.

3. Selain daripada itu, keperluan pemakaian pekeling ini turut dinyatakan secara jelas sebagai salah satu peruntukan di bawah Kod Etika Profesional, Universiti Teknologi Malaysia, di bawah perkara 6.12, iaitu,

6.12 Gangguan Seksual

Pegawai Universiti tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain sama ada cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, meminta layanan seksual, melakukan perbuatan bersifat seksual yang menyebabkan seseorang yang waras merasa tersinggung, terhina atau terugut. Gangguan seksual tersebut boleh bersifat lisan, bertulis perbuatan atau apa-apa cara lain yang membawa maksud yang sedemikian. Gangguan seksual tersebut juga tidak terhad di tempat kerja atau waktu kerja sahaja.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum pemakaian Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja ini dalam menjaga dan meningkatkan lagi imej Universiti. Dengan pemakaian pekeliling terbaharu ini, Pekeliling Pentadbiran Bilangan 58 Tahun 2018 adalah dibatalkan.

Terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (33)

10 May 2020
17 Ramadan 1441

ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 29/2020

APPLICATION OF SERVICE CIRCULAR NO. 5 YEAR 2018 GUIDELINES ON HANDLING SEXUAL HARRASMENT IN THE WORKPLACE

Through the decision of the University Board of Directors on 17 March 2020, the University has approved the adoption of the Service Circular No. 5 year 2018, Guidelines on Handling Sexual Harassment in the Workplace.

2. The application to this circular will be streamlined with the Statutory Bodies Act (Discipline and Surcharge) 2000, and the procedure outlined under the Service Circular No. 5 year 2018, on the Guidelines for Handling Sexual Harassment in the Workplace.

3. In addition, the requirements for the use of this circular, are also expressly stated as one of the provisions of the Code of Professional Ethics, Universiti Teknologi Malaysia, under section 6.12, that is,

6.12 Sexual Harassment


University officials may not sexually harass others, attempt to sexually assault others, seek sexual services, and engage in sexual acts that cause a sane person to feel offended, humiliated, or threatened. Such sexual harassment may be verbal, written, or in any other manner associated with it. Sexual harassment is also not confined to the workplace or working hours.

4. In this regard, all University Community members are to be aware of the application of the Guidelines for Handling Sexual Harassment Cases in the Workplace in an attempt to maintain and enhance the University's image. With this latest circular application, the Administrative Circular No. 58 year 2018 is canceled.

Thank you.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

I, who uphold trust,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Registrar

- c.c. - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Development)
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
- Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
- Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
- Director Research Centre – UTM Pagoh
- Senior Officers / Deans / Directors